

## TPM sumbang Kabin Pengeringan Serbaguna kepada nelayan Kuala Kemaman

Kosmo!

18 December 2018



[Kosmo Online / Negara /](#)

### TPM sumbang Kabin Pengeringan Serbaguna kepada nelayan Kuala Kemaman

MUKHATAR A. RAHMAN

18 Disember 2018 6:59 PM



Syed Mohd. Faiz (dua dari kanan) menunjukkan keropak keping yang dikeringkan selama dua jam menggunakan Kabin Pengeringan Serbaguna di Jeti Komplek LKIM Kemaman hari ini.

KEMAMAN - Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM) menyumbang sebuah Kabin Pengeringan Serbaguna bernilai RM310,000 kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Kemaman.

Eksekutif Kanan Pembangunan Perniagaan & Perkhidmatan Korporat TPM, Syed Mohd. Faiz Syed Nokman berkata, pemberian kabin pengeringan tersebut bertujuan untuk mempercepatkan proses pengeringan produk hasil laut seperti ikan bilis dan ikan kering kepada tiga jam berbanding lebih 24 jam sebelum ini.

"Kabin Pengeringan Serbaguna ini mempercepatkan proses pengeringan ikan bilis dan ikan kering kepada tiga jam berbanding lebih 24 jam sebelum ini.

"Ia juga mampu mengeringkan 500 kilogram hasil laut berkenaan dalam satu-satu masa selain menjamin kebersihan produk terabit tanpa pencemaran debu, habuk dan ancaman penyakit bawaan serangga," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan peralatan tersebut kepada Pengurus Besar PNK Kuala Kemaman, Norazila Ismail di Jeti LKIM Kuala Kemaman dekat sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Terengganu, Khuzaimah Husain dan Pengerusi PNK Kuala Kemaman, Aziz A. Razak. - K! ONLINE

Tag Berkaitan

[Pertanian](#) [Semasa](#)



**Homes For Sale & Rent**  
Search for the right property for you!  
iProperty.com.my

[VISIT](#)